

PERMOHONAN CARIAN PERSENDIRIAN

Urusan	: Sijil Carian Persendirian
Seksyen	: Seksyen 384 Kanun Tanah Negara 1965
Borang Terlibat	: Borang Sijil Carian Persendirian
Bayaran	: RM 20.00 untuk satu hakmilik
Muat Turun	: 1. Borang Sijil Carian Persendirian (sila jangan tandatangan borang terlebih dahulu)

DEFINISI

Carian untuk memeriksa, mencatat atau 'extract' mana-mana daftar hakmilik, buku perserahan atau buku pembetulan atau apa-apa instrumen urusniaga / permohonan yang disertakan kepada pendaftar, carian rasmi tersebut perlulah ditandatangani oleh pendaftar.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Mana-mana orang, agensi, syarikat atau badan yang berkepentingan.

PANDUAN PENGISIAN BORANG SIJIL CARIAN RASMI

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang Sijil Carian Persendirian yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson mengikut Seksyen 384 KTN.
2. Borang hendaklah diisi lengkap dan terang tulisannya. Borang yang tidak lengkap dan tulisan yang tidak jelas tidak akan diterima.
3. Borang yang telah lengkap diisi perlu diserahkan kepada kerani kaunter Unit Pendaftaran untuk semakan dan pengeluaran resit bayaran.
4. Pemohon perlu menjelaskan bayaran permohonan Sijil Carian Rasmi sebanyak RM20.00 di kaunter Unit Hasil.
5. Pemohon hendaklah menyerahkan pendua resit yang telah dibayar kembali kepada kerani kaunter Unit Pendaftaran.
6. Pemohon diminta memeriksa dokumen Sijil Carian Persendirian.
7. Borang permohonan Sijil Carian Persendirian hendaklah ditandatangani oleh pemohon selepas menerima dokumen Sijil Carian Persendirian.